

Terma & Syarat Kempen “Bila-bila Masa, Di Mana Jua dengan affinOnline”

1. Kempen “Bila-bila Masa, Di Mana Jua dengan affinOnline” (Kempen) AFFIN BANK Berhad dan AFFIN ISLAMIC BANK Berhad (Bank) akan dijalankan pada 1 Mac 2018 hingga 31 Mei 2018 termasuk kedua-dua tarikh tersebut (Tempoh Kempen) atau tempoh lain yang ditetapkan mengikut budi bicara mutlak Bank. Semua penyertaan mesti dibuat dalam Tempoh Kempen.

2. KELAYAKAN

- 2.1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu Bank yang baharu dan sedia ada (Peserta yang Layak), iaitu:

- 2.1.1. Pelanggan yang berdaftar untuk Perbankan Internet Runcit (PIR)

- 2.1.2. Seorang pemastautin tetap Malaysia

- 2.1.3. Berumur 18 tahun dan ke atas

- 2.1.4. Pemegang akaun Semasa atau Simpanan, akaun Konvensional dan/atau Islam (Akaun Deposit) semasa Tempoh Kempen.

- 2.2. Individu yang berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:

- 2.2.1. Pekerja tetap dan/atau kontrak Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitannya) dan ahli keluarga terdekat mereka, iaitu suami/isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik dan ibu bapa mentua; dan/atau

- 2.2.2. Pekerja tetap dan/atau kontrak agensi pengiklanan (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitannya) dan ahli keluarga terdekat mereka, iaitu suami/isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik dan ibu bapa mentua.

3. PENYERTAAN KEMPEN

Untuk berpeluang memenangi mana-mana hadiah, kriteria yang berikut mesti dipenuhi:

- 3.1. Penyertaan Hadiah Bulanan

- 3.1.1. Peserta yang Layak mesti membuat sekurang-kurangnya **lima (5)** transaksi dalam talian dalam tempoh satu (1) bulan. Kelayakan ni menjadi kriteria Utama dalam Kempen ini.

Transaksi dalam talian termasuklah:

- i. Pembayaran Bil
 - ii. JomPAY
 - iii. FPX B2C

- iv. Pembayaran Kad Kredit/Pembayaran Kad Kredit-i
- v. Pembayaran Semula Pinjaman Sewa Beli/Pembayaran Pembiayaan Sewa Beli
- vi. Pembayaran Semula Pinjaman Gadai Janji/Pembayaran Pembiayaan Gadai Janji

dan;

3.1.2. Peserta yang Layak mesti membuat transaksi dengan jumlah minimum terkumpul sebanyak RM3,000 bagi mana- mana tiga (3) transaksi dalam talian di atas dalam tempoh satu (1) bulan.

3.2. Penyertaan Hadiah Utama

3.2.1. Peserta yang Layak mesti memenuhi kriteria Penyertaan Hadiah Bulanan dalam klausa 3.1 pada setiap bulan dalam Tempoh Kempen untuk layak bagi Hadiah Utama.

3.2.2. Bagi mengelakkan keraguan, rujuk ilustrasi yang berikut:

Peserta yang Layak	Kriteria	Tempoh Kempen			Layak untuk Hadiah Utama
		Mac	April	Mei	
A	Transaksi	5	5	5	√
	Amaun (RM)	3,000	3,000	3,000	
B	Transaksi	5	5	1	X
	Amaun (RM)	3,000	3,000	3,000	
C	Transaksi	5	5	5	X
	Amaun (RM)	3,000	1,000	3,000	

4. HADIAH

4.1. Hadiah yang akan diberikan dalam Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Kategori	Tempoh Kempen	Hadiah
Bulanan	Mac	5X Telefon pintar
	April	5X Telefon pintar
	Mei	5X Telefon pintar
Hadiah Utama	Mac - Mei	1X Barangan elektrik bernilai RM 8,000

4.2. Gambar hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung dengan atau berkaitan dengan Kempen adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar hadiah serta tidak termasuk apa-apa aksesori tambahan.

- 4.3. Bank berhak, seperti yang difikirkan wajar, untuk menggantikan hadiah dengan produk lain yang sama nilai runcit jika model yang dinyatakan kehabisan stok atau dihentikan.
- 4.4. Hadiah tidak boleh ditukar dengan kredit atau apa-apa produk lain dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak.
- 4.5. Semua hadiah dalam kempen ini akan diserahkan dalam masa tiga (3) bulan selepas pengumuman pemenang dibuat di laman web Bank di www.affinbank.com.my / www.affinislamic.com.my.
- 4.6. Bank akan menghubungi pemenang untuk mengambil sendiri hadiah di cawangan Bank dan hadiah tersebut hanya akan diserahkan kepada pemenang selepas pengesahan dibuat oleh kakitangan cawangan Bank tersebut.
- 4.7. Mana-mana hadiah yang tidak dituntut tiga (3) bulan selepas pengumuman pemenang dibuat akan dilucutkan hak.
- 4.8. Bank tidak membuat pernyataan atau waranti terhadap kualiti hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana hadiah yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja pengilang yang berada di bawah waranti atau sebaliknya). Pemenang hendaklah berurusan terus dengan pembekal untuk maklumat atau tuntutan waranti tersebut.

5. PEMILIHAN PEMENANG

Pemilihan pemenang hadiah dalam Kempen ini adalah seperti yang berikut -

5.1. Pemenang Hadiah Bulanan

- 5.1.1. Lima (5) pemenang teratas dengan jumlah kiraan transaksi paling banyak akan dipilih setiap bulan tertakluk kepada kriteria yang dinyatakan dalam Klausula 3.1. Secara keseluruhannya, lima belas (15) pemenang bulanan akan dipilih sepanjang Kempen ini.
- 5.1.2. Jika lebih daripada lima (5) Peserta yang Layak yang memenuhi kriteria tersebut di atas, pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah amaun (RM) transaksi terkumpul yang paling tinggi.
- 5.1.3. Setiap Peserta yang Layak boleh memenangi satu (1) hadiah bulanan sahaja, tetapi berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama.
- 5.1.4. Bank akan mengumumkan semua pemenang bulanan dalam tempoh dua (2) bulan selepas tamat setiap bulan di laman web rasmi Bank.

5.2. Pemenang Hadiah Utama

- 5.2.1. Satu (1) pemenang teratas dengan jumlah kiraan transaksi paling banyak akan dipilih selepas tamat Tempoh Kempen tertakluk kepada kriteria yang dinyatakan dalam Klausula 3.2.
 - 5.2.2. Jika lebih daripada seorang Peserta yang Layak yang menepati kriteria tersebut di atas, pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah amaun (RM) transaksi terkumpul yang paling tinggi.
 - 5.2.3. Bank akan mengumumkan pemenang Hadiah Utama dalam tempoh dua (2) bulan selepas tamat tempoh kempen di laman web rasmi Bank.
- 5.3. Hilang kelayakan:
- 5.3.1. Jika pemenang hilang kelayakan mengikut terma yang terkandung dalam dokumen ini, Bank berhak untuk memilih Peserta yang Layak lain bermula daripada nama teratas dalam senarai rizab untuk menjadi pemenang. Rutin ini akan diulang sehingga semua pemenang hadiah bulanan / Hadiah Utama ditentukan.
 - 5.3.2. Prosedur di atas akan diulang bagi bulan seterusnya untuk menentukan pemenang hadiah bulanan.
- 5.4. Bank akan menghubungi Pemenang dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tamat setiap bulan / tamat tempoh kempen melalui telefon berdasarkan maklumat yang didapati dalam sistem Bank. Walau bagaimanapun, Bank berhak untuk menggunakan mana-mana medium atau kaedah lain yang difikirkan wajar mengikut budi bicara mutlak bagi tujuan menghubungi/mengumumkan pemenang.
- 5.5. Apabila dihubungi oleh Bank, jika pemenang gagal menjawab panggilan telefon, pemenang akan dianggap hilang kelayakan dan Bank berhak untuk memilih Peserta yang Layak lain bermula daripada nama teratas dalam senarai rizab untuk menjadi pemenang. Rutin ini akan diulang sehingga semua pemenang ditentukan.
- 5.6. Mekanisme/Proses pemilihan akan ditentukan secara mutlak oleh Bank dan hendaklah tidak dipertikaikan dalam apa-apa keadaan sekali pun. Keputusan Bank adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan, serta apa-apa bantahan tidak akan dilayan.

AM

6. Bank berhak untuk membatalkan hadiah sekiranya mana-mana Terma dan Syarat ini tidak dipatuhi.

7. Bank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung terhadap kegagalan mana-mana peserta untuk menyertai Kempen ini pada bila-bila masa disebabkan apa-apa kesalahan, gangguan dan/atau kegagalan rangkaian, komunikasi atau sistem.
8. Dengan menyertai Kempen ini, peserta dengan ini memberikan kebenaran kepada Bank dan bersetuju bahawa Bank bebas menerbitkan atau mempamerkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama dan gambar mereka tanpa bayaran bagi tujuan pengiklanan dan publisiti dengan apa-apa cara yang difikirkan wajar oleh Bank.
9. Bank berhak untuk meminda, memadam dan/atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini dan untuk membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dengan memberikan notis awal 21 hari kepada peserta. Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan dalam Promosi ini akan dianggap sebagai penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat ini. Peserta bersetuju untuk mengakses laman web dari semasa ke semasa untuk membaca Terma dan Syarat serta memastikan sentiasa mendapatkan maklumat terkini berhubung apa-apa perubahan atau pindaan terhadap Terma dan Syarat tersebut.
10. Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
11. Semua terma dan syarat yang ditetapkan dalam dokumen ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
12. Notis privasi yang terkandung dalam laman web Bank (www.affinbank.com.my / www.affinislamic.com.my) dan cawangannya hendaklah terpakai.